

# Siapa atlet terbaik Masum 2008?

**OLAHRAGAWAN** dan Olahraga-wati Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2008 akan diketahui hujung minggu ini, lapor **SHAHRIL NIZAM ABDULLAH**.

Lima atlet lelaki dan wanita telah disenaraikan sebagai calon untuk anugerah tersebut yang bakal diumumkan pada Majlis Anugerah Sukan Masum 2008 di Hotel MS Garden, Kuantan 4 April ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Penajaan Masum, Nur Ekmal Buhary, semua calon terbabit telah disenarai pendek oleh jawatankuasa panel pemilihan berdasarkan pencapaian dan kejayaan yang dilakar oleh atlet berkenaan.

"Semua nama calon untuk anugerah terbabit telah dihantar oleh universiti masing-masing mengikut prestasi dan kecemerlangan mereka sepanjang tahun 2008," kata Nur Ekmal pada satu sidang media di ibu negara semalam.

"Tapi jawatankuasa pemilihan hanya menyenaraikan lima saja atlet bagi kategori lelaki dan wanita berdasarkan pencapaian dan kejayaan mereka dalam kejohanan sukan tempatan dan antarabangsa, khususnya pada Sukan Universiti Asia (SUA) yang berlangsung Disember lepas.

"Begitupun, selain dua anugerah utama ini, Masum juga akan mempertandingkan beberapa lagi anugerah lain yang bertujuan memberi pengiktirafan kepada atlet, pegawai dan individu yang memberi sumbangan serta mengharumkan nama universiti dan juga Masum di persada antarabangsa," katanya lagi.

Selain anugerah Olahragawan dan Olahragawati, anugerah lain yang dipertandingkan ialah Bintang Harapan (Lelaki dan Wanita), Pasukan Terbaik (Lelaki dan Wanita), Pengurus Terbaik, Jurulatih Terbaik, Tokoh Sukan Masum, Anugerah Khas serta Olahragawan dan Olahragawati setiap universiti.

Lima calon bagi anugerah Olahragawan ialah Mohd. Zaim Zulfadli (Universiti Islam Antarabangsa/ boling), Robani Hassan (Universiti Putra Malaysia/ olahraga), Sallehin Abdul Jalil (Universiti Malaya/ boling pa-



**EKMAL** (kiri) dan Setiausaha Malam Anugerah Masum 2008, Mohd. Aznorizamin Ismail pada sidang akhbar mengumumkan senarai calon di Kuala Lumpur, semalam.

dang), Mohd. Syahir Asraf Rosli (Universiti Teknologi Mara/ ragbi) dan Tengku Mohd. Farid Rosli (Universiti Teknologi Malaysia/ ragbi).

Bagi calon Olahragawati pula ialah Yap Sou Kuen (UM/ bola jaring), Radiah Hassan (UIAM/ silat), Fazilla Sylvester Silin (UiTM/ hoki), Roslinda Samsu (UPM/ olahraga) dan Wong Sim Yih (UTM/ bola tampar).

Selain sijil dan trofi yang diberikan kepada pemenang, atlet yang dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Masum juga bakal membawa pulang wang tunai RM3,000 setiap seorang manakala bagi pemenang Bintang Harapan akan menerima RM1,000.

"Bagi pemenang anugerah jurulatih terbaik pula akan membawa pulang wang tunai RM1,000 manakala pasukan terbaik pula bakal menerima RM300 seorang," tambah Nur Ekmal.

Majlis Anugerah Sukan Masum 2008 ini juga bakal diserikan lagi dengan kehadiran Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) selaku tuan rumah, Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengerusi Masum, Prof. Omar Osman.

## Olahragawan dan Olahragawati Masum

Tahun	Olahragawan	Sukan
2007	Mohd. Sukri Abd. Mutalib	Hoki
2006	Azlan Mubin	S/Takraw
2005	Mohd. Robani Hassan	Olahraga
2004	Mohd. Robani Hassan	Olahraga
2003	Nazmizan Muhammad	Olahraga
2002	Mohd. Azman Nasrudin	S/takraw
2001	Roslan Jamaludin	Hoki
2000	Teh Weng Chang	Olahraga
Tahun	Olahragawati	Sukan
2007	Roslinda Samsu	Olahraga
2006	Nursuryani Taibi	Menembak
2005	Nursuryani Taibi	Menembak
2004	Mon Redee a/p Sut Txi	Memanah
200	Shalin Zulkifli	Boling
2002	Norseela Mohd. Khalid	Olahraga
2001	Shalin Zulkifli	Boling
2000	Norseela Mohd. Khalid	Olahraga